

03 MAY 1999

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat MT UMNO

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Ia dijangka membincangkan laporan Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan parti berhubung Naib Presiden parti Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib yang bebas daripada tuduhan gagal mengisytihar harta.

MT juga dijangka mendapatkan penjelasan daripada jawatankuasa itu berhubung cadangan pergerakan Pemuda Umno supaya tindakan dikenakan terhadap anggotanya yang terlibat dengan parti pembangkang.

Isu lain yang dijangka dibincangkan ialah masalah anggota parti yang belum mendaftar sebagai pengundi.

--BERNAMA

TM MAI